

Qalam

KDN 434

158 Rabi' al-Akhir 1383, September 1963, 60 sen

Pemerintah Sukarno dengan Malaysia

Kita telah pernah menulis menyatakan bahawa langkah-langkah

Sukarno terhadap Sabah, Sarawak dan Brunei adalah semata-mata untuk mengalih perhatian rakyat Indonesia kepada persoalan Irian yang telah selesai

Perjuangan Irian yang digembur-gemburkannya berpuluh-puluh tahun adalah semata-mata untuk mengalihkan perhatian rakyat daripada kesenangan diri kepada menderita dan dengannya dapat pula menghidupkan pasukan-pasukan tentera yang banyak yang menjadi tulang belakang untuk menetapkan kedudukannya sebagai pemerintah diktator di Indonesia.

Apabila persoalan Irian tamat, sebagaimana kita katakan dahulu, maka ia mengalih pula perhatiannya kepada ketiga-tiga negeri di utara Borneo. Mulanya, apabila habis sahaja persoalan Irian maka peonnya, Azhari, disuruhnya mengadakan pemberontakan yang tidak bertanggung jawab di Brunei.

Ini adalah langkah pertama Sukarno untuk menarik perhatian rakyat Indonesia bahawa persoalan Indonesia belum habis. Kemudian Sukarno melatih dan mengadakan pasukan-pasukan gurila-gurila di sempadan Sarawak dengan

menggunakan alat kelengkapan dan orang-orang Indonesia sendiri. Ini dapat dibuktikan dengan adanya tanda-tanda yang dapat ditangkap oleh tentera.

Di dalam pada itu terang dan nyata bahawa Sukarno menghendaknya supaya wilayah-wilayah di Kalimantan Utara itu dikehendaknya supaya dimasukkan ke dalam Indonesia. Ini terang dan nyata sekalipun Sukarno menafikannya dengan mengatakan bahawa langkahannya semata-mata untuk menghapuskan apa yang dikatakan “penjajahan baharu” ataupun penjajahan lama.

Apakah saranan yang dibuat oleh Roeslan Abdulgani yang menyebut bahawa “Indonesia bersedia memberi bantuan kepada penduduk-penduduk Sarawak, Sabah dan Brunei untuk bergabung dengan Indonesia?”

Jika semuanya dikaitkan, walaupun Sukarno bersedia berunding dan bersetuju dengan Malaysia, menurut pendapat kita, namun Sukarno akan terus mengerah rakyatnya untuk “menjajah Sarawak dan Sabah” dan menjadikannya sebagai perkara-perkara yang tidak putus-putusnya menjadi kusut dan dikusutkan untuk “melengahkan perasaan rakyat Indonesia” supaya lengah daripada bercita-cita hidup mewah dan bernikmat di dalam negara yang kaya raya dengan bahan-bahan “untuk membela” rakyat di bawah “neo kolonialisme” pada hal terang dan nyata, daripada apa yang terjadi bahawa Sukarno mau menjajah Sarawak dan Sabah.

Apakah nanti rakyat-rakyat akan disarankan, biar makan kangkung asakan² sahaja merdeka dan tidak di bawah penjajah. Tipuan kalimah merdeka ini sebenarnya telah usang – tidak laku lagi kerana rakyat sendiri

¹ Perkataan sebenar ialah asalkan

tahu bahawa setiap hari Sukarno dan komplotannya makan barang-barang sedap, makan keju dan mentega dan roti yang dibuat oleh negeri yang menjajah sedang rakyat?

. . . . Diabui, diumbang ambingkan dan agama dipertopengkan!

Kita berkeyakinan bahawa Allah tidak akan mengekalkan kezaliman dan pemerasan – pada masa akan dapat dilihat natijahnya *In shā' Allāh!*

* * *

Bawam mengenal Sukarno?

Peribadi Tengku Abdul Rahman terang dan jelas sebagai seorang yang jujur dan lurus. Telah menjadi adat bagi orang yang jujur dan lurus itu “tidak penyampai hati” dan seberapa yang boleh beralah terutamanya kalau orang berlembut kepadanya.

Sifat-sifat seperti ini kalau dibawa kepada medan politik, pada suatu ketika adalah berbahaya sebab terutamanya dalam melaksanakan perkara-perkara yang mesti tegas menghadapinya sehingga suatu masa sifat sifat lemah lembut itu berbahaya, bukannya sahaja bagi diri beliau, tetapi sebagai pemerintah berbahaya untuk keselamatan pemerintahannya.

Sebab melihat kenyataan inilah harus pemuda-pemuda UMNO membawa keputusan supaya Tengku jangan sentiasa “lembut” sahaja terhadap kepada lawannya dan mestilah bertindak keras dan tegas.

Keadaan Tengku ini bukannya sahaja dalam perkara ke dalam tetapi juga keluar. Lihat sahaja bagaimana cara Tengku melayan Sukarno dan komplotannya terhadap gagasan Malaysia. Tatkala menyebut ‘dalam persidangan

pemuda UMNO’ bahawa beliau telah dua kali bertemu dengan Sukarno dan Subandrio, Tengku berkata, sebagai suatu kekesalan:

“Saya rasa tidaklah memberi faedah yang besar sekiranya penganjur-penganjur Indonesia yang lain itu masih terus menerus menunjukkan sikap bermusuhan dengan kita, walhal penganjur besar buat perjanjian bersahabat dengan kita.”

Daripada ucapan Tengku ini zahir kepada kita bahawa beliau belum mengenal Sukarno dan belum mengenal putar belit siyasa orang-orang Indonesia.

Bagi orang yang telah lama mengenal Sukarno, cara apa yang dibuat olehnya adalah dipandang cara biasa. KEPADANYA tidaklah boleh berbuat atau menghadapi dengan lurus dan putih hati dengan cara kebersihan hati Tengku.

Orang-orang semuanya tahu, Sukarno akan mengorbankan apa jua sekalipun asakan³ sahaja maksud dan cita-citanya sampai. Hatta, Sjahrir, Mohammad Roem, Prawoto Mangkusasmito, Zulkifli Lubis, Mohammad Natsir dan banyak lagi pemimpin-pemimpin Indonesia sama ada di dalam Parti Nasional yang telah disingkirkannya dan dipenjarakannya. Hanya Dr Mohammad Hatta seorang yang masih diluar. Itu pun sekiranya ia tidak takut kepada tentera yang masih “cinta” kepada Dr Hatta, mungkin Dr Hatta akan diasingkan dari masyarakat dan medan siyasa Indonesia. Semuanya pemimpin-pemimpin ini adalah pemimpin perjuangan kemerdekaan Indonesia.

Mulanya Sukarno melayan mereka dengan baik, mengikuti apa jua kehendak mereka, tetapi setelah Sukarno dapat melagakan mereka diantara satu dengan

³ Perkataan sebenar ialah asalkan